

BAB 4 – REALITI PERADABAN KONTEMPORARI TANPA KEMANUSIAAN

4.0 PENGENALAN

Dalam sejarah peradaban dunia moden, kesedaran masyarakat antarabangsa tentang hak asasi manusia semakin melebar terutama selepas Perang Dunia Kedua apabila masyarakat antarabangsa menerima Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 sebagai satu piagam bersama. Pun begitu, di sebalik kesedaran yang semakin tinggi ini pencabulan ke atas hak asasi manusia masih belum mampu untuk dihentikan. Sehingga hari ini isu hak asasi manusia terus dibincangkan sebagai krisis di peringkat global. Bahkan dalam kes-kes tertentu krisis hak asasi manusia, sudah ada pandangan yang menyimpulkan krisis ini sebagai krisis keselamatan dunia.

Walaupun semua peradaban hari ini menerima hak asasi manusia sebagai elemen asas dan terpenting, tetapi aktor-aktor dalam setiap peradaban seolah-olah tidak memahami prinsip peradaban masing-masing yang mementingkan nilai kemanusiaan. Daripada catatan sejarah dan isu-isu terbaru yang berlaku di seluruh dunia hari ini memberikan gambaran bahawa masyarakat global bukan sahaja menjadikan krisis hak asasi manusia sebagai isu kemanusiaan tetapi kini beralih menjadi senjata politik. Persoalan hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya diperselisihkan antara Barat dengan bukan Barat. Setiap peradaban cuba memberikan interpretasi tersendiri berdasarkan kepentingan politik dan ekonomi

regim sedangkan yang terus menjadi mangsa penindasan adalah rakyat. Ketika pemimpin peradaban-peradaban menggunakan isu-isu hak asasi manusia untuk menyerang antara satu sama lain. rakyat pula sebagai aktor utama peradaban terperangkap dalam dilema antara hak dan tanggungjawab.

Akibat daripada sikap tidak bertanggungjawab para pemimpin daripada setiap peradaban. maka masa depan peradaban kontemporari menghadapi keadaan yang sangat mencabar. Dunia globalisasi yang dikatakan bercirikan langit terbuka. tanpa sempadan dan perkampungan dunia telah hilang nilainya apabila manusia sebagai aktor utama hilang harga diri dan maruah. Dengan pencabulan hak asasi manusia yang berlaku di seluruh dunia. kini peradaban sudah tidak lagi menikmati kemanusiaan. kebebasan. keamanan dan keadilan. Tanpa hak sivil. politik. ekonomi. sosial dan budaya. peradaban hari ini berubah wajah kembali ke zaman tanpa peradaban atau barbarism yang penuh dengan kezaliman. penindasan dan manipulasi.

4.1 REALITI PERADABAN KONTEMPORARI

Semua peradaban telah meletakkan nilai kemanusiaan sebagai asas utama pembinaan sebuah peradaban. Istilah seperti *umran*. *adbun*. *tamaddun*. *madinah*. *hadharah*. *keimelion*. *civilization*. *wen ming*. *nakarikam*. *kulture*. *civilitas* dan sebagainya yang mewakili makna peradaban masing-masing tidak menyembunyikan langsung makna kemanusiaan dalam peradaban mereka¹. Kerana

itu persoalan kemanusiaan sesebuah peradaban menjadi topik terpenting dalam membincangkan pencapaian dan kecemerlangan sesebuah peradaban. Tidak mungkin sesebuah peradaban dapat mencapai kedudukan tertinggi dalam hierarki kesempurnaan peradaban sekiranya sesebuah peradaban itu mencabuli hak asasi manusia yang menjadi kayu ukur nilai kemanusiaan sesebuah peradaban.

Pencabulan hak asasi manusia yang berlaku secara besar-besaran hari ini telah menyebabkan hilangnya maruah dan harga diri aktor utama peradaban iaitu insan. Dengan tidak memiliki sebarang hak ke atas diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara; tidak memiliki sebarang kebebasan; tidak dapat menikmati keamanan; dan tidak diberikan keadilan maka sudah tentu seseorang insan itu tidak mempunyai maruah dan harga diri. Apabila kehidupan seseorang insan sudah tidak lagi menikmati keadilan, keamanan, dan kebebasan, ini bermakna mereka hidup dengan kehinaan dalam sebuah masyarakat yang dikatakan 'beradab'.

Adab-adab yang menjadi satu set cara manusia berhubung dengan manusia yang lain telah menjadikan peradaban begitu istimewa dan berkesan sekali. Tetapi apabila peradaban yang diwarnai dengan elemen biadab, maka peradaban sedang melalui zaman yang penuh dengan cabaran dan rintangan. Penafian terhadap hak asasi manusia bukan sahaja melahirkan insan tanpa maruah dan harga diri, tetapi juga turut melahirkan manusia-manusia yang biadab, rakus dan zalim. Kebiadaban, kerakusan dan kezaliman ini telah menjadikan peradaban tidak mempunyai nilai kemanusiaan, keadilan, keamanan dan kebebasan. Atas kezaliman ini jugalah

segala hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya yang sepatutnya dinikmati oleh setiap manusia dicabuli. Krisis-krisis ini secara langsung telah mencabar peradaban yang dikatakan beroreantasikan kemanusiaan. Cabaran-cabaran inilah yang akan mewajahkan peradaban pada abad ke-21.

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 menyifatkan sebarang pengabaian terhadap hak asasi manusia adalah berpunca daripada sikap dan tindakan terkutuk yang telah melanggar perasaan hati manusia. Walhal sepatutnya ada sebuah dunia di mana manusia berpeluang menikmati kebebasan tanpa rasa takut kerana cita rasa ini merupakan aspirasi teragung seluruh umat manusia. Perisytiharan ini juga mengiktiraf bahawa kemulian dan hak persamaan manusia dalam sesbuah peradaban hanya wujud melalui kebebasan, keadilan dan keamanan dunia².

4.1.1 Peradaban tanpa nilai kemanusiaan

Peradaban manusia yang melangkah ke abad yang ke-21 dengan begitu tragis sekali apabila nilai-nilai kemanusiaan telah terhakis dengan begitu dahsyat oleh kerakusan manusia sendiri. Kesedaran yang timbul terhadap hak-hak asasi manusia yang diluahkan oleh masyarakat antarabangsa pada 1948 ternyata gagal diterjemahkan sebagai keperluan asas kepada semua manusia. Manusia telah ditindas dan dianiayai di seluruh dunia oleh kerakusan manusia lain sehingga menjadikan peradaban hari ini seperti sebuah peradaban yang berasaskan undang-undang rimba. Manusia tanpa rasa malu dan segan mencabuli maruah dan harga diri

manusia yang lain dalam semua aspek hak asasi manusia termasuk hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya.

Apa yang dipertegaskan oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 bahawa semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan, nilai diri dan hak-hak adalah menggambarkan ciri asas kemanusiaan sebuah peradaban³. Masyarakat antarabangsa mengiktiraf bahawa setiap manusia adalah mempunyai pemikiran dan perasaan hati yang tersendiri. tetapi hendaklah bertindak antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan. Setiap orang berhak terhadap semua hak dan kebebasan asasi manusia tanpa sebarang perbezaan. seperti warna kulit, bangsa, jantina, bahasa, agama, fahaman politik atau lain-lain ideologi, asal-usul bangsa, keturunan atau sosial, harta benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain⁴. Inilah harapan yang digariskan oleh masyarakat antarabangsa pada tahun 1948 untuk melihat peradaban manusia dilimpahi dengan perasaan kemanusiaan.

Tetapi nilai-nilai kemanusiaan ini hampir musnah dengan tindakan pihak-pihak tertentu terutama para regim yang mencabul hak asasi manusia dengan begitu hebat sekali. Di rantau Asia, hak-hak sivil dan politik telah dinafikan oleh regim yang berkuasa, manakala di Barat, hak ekonomi, sosial dan budaya pula diabaikan oleh pemerintah⁵. Barat yang menguasai ekonomi global menggunakan kekuatan ekonomi mereka untuk menindas dan memperalatkan negara sedang membangun dan negara mundur melalui pelbagai saluran. Kekuasaan tentera, persenjataan dan nuklear juga telah mendorong negara-negara kuasa besar menyerang negara yang

lebih kecil sehingga banyak nyawa yang terkorban dan sebahagian yang lain menjadi pelarian. Perperangan dan imperealisme masih berlaku di seluruh dunia⁶. Bangsa-bangsa yang menguasai ekonomi dan politik pula melancarkan keganasan perkauman dan agama sehingga bangsa yang lebih lemah tertindas. Melalui senjata media dan teknologi maklumat. MNC yang bermatlamat keuntungan melancarkan serangan minda sehingga anak-anak muda tidak lagi menghargai budaya warisan mereka⁷. Akibat penyebaran budaya-budaya baru. anak-anak muda di seluruh dunia menghadapi krisis sosial yang sangat hebat sehingga masa depan mereka menjadi tidak menentu.

Inilah gambaran bagaimana keruntuhan nilai kemanusiaan yang berlaku di seluruh dunia tanpa mengira mana-mana peradaban. blok politik. blok ekonomi. rumpun bangsa dan juga agama. Keruntuhan nilai kemanusiaan yang begini dahsyat telah memberikan cabaran yang sangat besar kepada peradaban pada abad ke-21. Definisi-definisi tentang peradaban yang digariskan dengan meletakkan manusia sebagai petunjuk utama menjadi tidak relevan akibat keruntuhan nilai-nilai kemanusiaan sejagat ini. Bahkan. keadaan yang ada ini memungkinkan manusia hidup dalam dunia tanpa peradaban.

4.1.3 Peradaban tanpa hak asasi manusia

Peradaban manusia pada asasnya bukan sahaja didukungi oleh pembangunan fizikal. perkembangan kebudayaan. pencapaian ilmu. sains dan teknologi. tetapi

juga didukungi oleh nilai kemanusiaan yang sejati. Sebagai aktor utama dalam semua peradaban manusia sewajarnya menerima layanan sebagai seorang insan. Tetapi malangnya bagi peradaban hari ini apabila sebahagian daripada manusia yang rakus telah bertindak zalim dan mencabul hak-hak asasi yang sepatutnya dinikmati oleh setiap manusia. Pencabulan hak asasi manusia yang hebat berlaku hari ini mencakupi semua aspek hak asasi manusia. dilakukan sendiri oleh regim yang berkuasa dan dijadikan senjata untuk pertembungan blok politik yang mendukung fahaman yang bebeza.

Kesedaran terhadap pencabulan ini telah wujud semenjak zaman Greek dan berkembang pesat dalam zaman pemerintahan Islam semenjak abad yang keenam Masehi sebelum ia berkembang di Eropah pada abad kelapan sehingga seluruh dunia menerima fahaman bahawa setiap manusia memiliki harga diri dan mesti ditunaikan hak asasi mereka. Melalui Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. maruah dan harga diri manusia cuba dikembalikan. Pada 1966 sekali lagi ia cuba dipertegaskan semula dan pada 1993 ia diulangi lagi di samping lebih 80 persidangan antarabangsa dan deklarasi lain berkenaan hak asasi manusia telah dibuat termasuk menubuhkan Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB pada 1993. Bahkan pada tahun 1968. melalui Proklamasi Tehran telah diisytiharkan tahun tersebut sebagai Tahun Antarabangsa tentang Hak Asasi Manusia⁸. Namun begitu segala usaha masyarakat antarabangsa untuk mengembalikan maruah dan harga diri setiap manusia masih gagal dan tidak memberikan kesan kepada regim-regim yang zalim.

Pada hari ini, pencabulan terhadap hak asasi manusia telah berlaku dalam semua aspek baik hak sivil dan politik mahupun hak ekonomi, sosial dan budaya. Pelbagai pencabulan hak asasi manusia yang berlaku dalam semua peradaban bukan hanya dilakukan oleh individu kepada individu yang lain, tetapi dilakukan sendiri oleh regim ke atas rakyatnya. Menjelang alaf baru, pencabulan hak asasi manusia dilakukan pula oleh regim-regim ekonomi antarabangsa seperti IMF, WTO dan World Bank⁹. Media massa, pasaran bebas, teknologi ketenteraan, teknologi maklumat dan sebagainya turut memainkan peranan menghancurkan ekonomi negara lain, membunuh budaya tradisional dan merosakkan sistem sosial yang diwarisi sejak berzaman. Persaingan politik dan ekonomi yang wujud di antara blok-blok politik dan ekonomi antarabangsa telah menjadi anasir utama pencabulan hak asasi manusia. Kemiskinan pula menjadi punca utama pencabulan hak asasi manusia di negara-negara mundur¹⁰. Negara-negara peradaban Barat dan negara-negara peradaban bukan Barat telah menggunakan isu hak asasi manusia bagi menyerang antara satu sama lain.

Akibat daripada tindakan rakus pelbagai pihak, akhirnya hak asasi manusia telah dicabul di seluruh dunia. Di sesetengah peradaban, kebebasan individu diperalatkan untuk menodai kepentingan dan tanggungjawab dalam masyarakat global. Dalam peradaban yang lain pula tanggungjawab dan hak awam dijadikan alasan untuk mencabul hak dan kebebasan individu. Peradaban dunia yang sepatutnya dihiasi oleh maruah dan harga diri manusia telah berubah menjadi neraka kepada

masyarakat global yang tidak memiliki kuasa politik dan ekonomi. Masa depan mereka menjadi tidak menentu. warisan tradisi telah hilang. hak dan kebebasan telah dicabuli bahkan peluangnya untuk hidup juga semakin meruncing akibat kerakusan golongan yang tidak bertanggungjawab. Akhirnya peradaban dunia hari ini telah kehilangan maruah dan harga diri akibat pencabulan besar-besaran ke atas hak asasi manusia yang sepatutnya dinikmati oleh semua insan.

4.1.3 Peradaban tanpa kebebasan

Perkara 1 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 telah mengiktiraf bahawa setiap manusia dilahirkan sebagai bebas dan memiliki hak sama rata¹¹. Kebebasan merupakan satu isu terpenting bagi peradaban manusia kerana ia bukan sahaja hak tetapi keperluan (*need*) asasi bagi setiap manusia seperti mana manusia perlukan makanan, tempat tinggal dan pakaian. Tetapi peradaban hari ini sekali lagi melalui saat yang getir apabila manusia sebagai pelakon utama peradaban telah dinafikan daripada menikmati kebebasan secara mutlak sehingga membenarkan kata Rousseau bahawa setiap manusia dilahirkan bebas tetapi terbelenggu di seluruh dunia¹². Tanpa memiliki kebebasan ini, taraf manusia sebagai seorang insan akan menjadi lebih hina daripada haiwan kerana haiwan pun menikmati kebebasan di belantara.

Namun begitu satu hakikat yang tidak dapat dihelahkan lagi ialah sebahagian besar manusia hari ini tidak lagi menikmati kebebasan. Kebebasan untuk bercakap,

berpersatuan. berpendirian politik. bergerak. beragama bahkan kebebasan untuk hidup yang dijamin oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 telah dicabar di mana-mana sahaja. Krisis-krisis yang tercetus di Asia Tengah. Indo-Pakistan. Teluk Parsi. Balkan dan Palestin adalah sebahagian daripada konflik yang menghalang kebebasan hidup manusia akibat hilangnya keamanan. Tragedi pembunuhan. tawanan. pelarian. kecederaan dan kelaparan mewarnai episod ini akibat perperangan.

Satu persoalan yang lebih besar tercetus tentang kebebasan apabila negara-negara yang tidak mengalami perperangan tetapi menghalang kebebasan rakyat atas nama pembangunan negara. Negara-negara Asia seperti China. Malaysia dan Singapura tidak memberikan kebebasan politik secara total kepada rakyatnya. Di Indonesia. suara rakyat Aceh dilayan dengan senjata. dan di India. Myanmar. Thailand dan Filipina. minoriti Islam sering dinafikan hak mereka untuk beragama¹³. Di Zimbabwe. Iraq. Pakistan dan Mesir. pilihan raya diadakan hanya untuk mengesahkan kekuasaan regim tanpa memberikan peluang kepada rakyat berfikir dan memilih secara bebas. Di Turki. Algeria. Myanmar dan Haiti keputusan rakyat untuk memilih kerajaan mereka dinafikan oleh kuasa tentera.

Ketika demokrasi yang dikatakan katalis kepada kebebasan mulai diterima di negara-negara bekas Soviet. Eropah Timur. Afrika. Asia dan Amerika Latin pada dekad 1990-an. beberapa negara seperti China. Korea Utara. Myanmar. Cuba. Arab Saudi. Kuwait dan Libya terus berdegil dengan sistem autokratiknya. Lebih malang

lagi apabila juara demokrasi. Amerika Syarikat terus menggunakan kedudukannya untuk menindas negara lain walaupun majoriti negara di dunia tidak senang dengan caranya. Di Majlis Keselamatan PBB, kuasa veto yang dimiliki oleh Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Russia dan China bila-bila masa sahaja akan menafikan kebebasan negara lain membuat keputusan.

Negara-negara kecil dalam kelompok negara mundur dan negara sedang membangun bukan sahaja terpaksa tunduk kepada kehendak kuasa besar, tetapi juga terpaksa membiarkan kuasa-kuasa besar menentukan hala tuju negara mereka. Bukan hanya persoalan politik atau ideologi yang dipaksakan ke atas mereka, tetapi negara-negara kecil tersebut sudah tidak mampu lagi untuk menentukan nilai mata wangnya sendiri. Budaya hidup tradisi di negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Latin yang terkenal kerana kehalusan budinya kini dipaksa untuk menerima budaya baru yang lebih popular walaupun tidak serasi dengan persekitaran mereka.

Walaupun banyak pihak mengatakan kebebasan adalah asas kebenaran, namun seperti yang disimpulkan oleh Huntington bahawa kuasa tentera dan ekonomi boleh memberikan kekuatan pengaruh kepada sesebuah negara dalam menentukan makna sebenar kebenaran¹⁴. Kebebasan telah dinafikan di mana-mana sahaja walaupun masih ia dinikmati di tempat-tempat tertentu. Majoriti daripada peradaban manusia hari ini sudah tidak lagi memiliki kebebasan, sebaliknya terpaksa menurut sahaja arahan-arahan yang telah digariskan oleh regim dan kuasa besar yang memiliki pengaruh politik, ketenteraan dan ekonomi.

4.1.4 Peradaban tanpa keadilan

Keadilan merupakan keperluan asas bagi setiap manusia yang menjadi suatu nilai abadi dan sejagat. Bahkan keadilan telah menjadi tema utama agama-agama besar¹⁵. Tetapi keadilan yang menjadi keperluan asas dalam kehidupan setiap manusia ini telah mengalami cabaran yang paling hebat pada abad ini. Keadilan yang sering dilihat sebagai indikator utama kemakmuran sesebuah peradaban kini tidak lagi mewarnai kehidupan manusia. Isu keadilan dibangkitkan di mana-mana sahaja melibatkan soal keadilan sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Regim-regim yang memerintah gagal memberikan keadilan yang sebenar kepada rakyat sehingga maruah mereka sebagai manusia kian tercemar.

Demokrasi yang dianggap sebagai induk keadilan disalahgunakan sebagai hak individu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menindas hak orang lain sehingga melumpuhkan keadilan. Negara-negara kuasa besar seperti Amerika menyalahgunakan haknya untuk menindas negara lain. Lihat sahaja sikap Amerika yang menentang rampasan kuasa tentera di Myanmar tetapi membiarkan tentera merampas kuasa di Algeria. Turki dan Haiti semata-mata kerana negara tersebut dikuasai oleh kumpulan Islam dan sosialis. Amerika telah menghalang Iraq daripada membina prasarana persenjataan tetapi membiarkan Israel menghalang Pakistan memiliki nuklear tetapi membenarkan India. Amerika juga menghantar tentera untuk menyerang Sudan pada 1994 sedangkan yang terdesak kepada

bantuan ketenteraan adalah Bosnia dan Palestin¹⁶. Negara-negara yang tidak sebulu dengan Amerika seperti Libya, Iraq, Iran, Sudan dan Cuba terus mengalami sekatan ekonomi sehingga menyebabkan rakyat mereka menderita. Inilah gambaran sikap tidak adil kuasa besar dunia yang menyalagunakan haknya untuk kepentingan politik dan ekonomi yang sempit.

Akibat keadilan sudah tidak wujud lagi dalam peradaban masa kini. maka yang menjadi mangsa utama ialah golongan yang lemah. Penindasan ke atas golongan yang lemah bukan sahaja berlaku dalam pergolakan politik, tetapi juga ekonomi dan sosial. Akibat penindasan regim yang memerintah di sesebuah negara, maka golongan pembangkang telah ditindas dan disekat hak-hak mereka. Bahkan di Palestin, rakyat mereka terus menjadi mangsa keganasan Israel walaupun telah menjadi pelarian. Hal yang sama juga berlaku dalam percaturan ekonomi apabila kuasa-kuasa ekonomi dunia baik atas nama negara atau MNC, mereka mewujudkan blok-blok yang boleh meminggirkan masyarakat yang tidak membangun di Afrika, Asia dan Amerika Latin¹⁷. Peniaga mata wang Barat juga telah menjerut leher masyarakat Asia apabila kegiatan mereka menjadi punca krisis ekonomi pada 1997. Ketika kekayaan dimonopoli oleh kelompok-kelompok elit, golongan yang lemah seperti buruh, setinggan, petani dan masyarakat luar bandar terus tidak dapat menikmati keadilan ekonomi dan sosial kerana dasar-dasar regim yang tidak memihak kepada mereka.

Suasana penindasan dan ketidakadilan yang tercetus dalam isu-isu politik, ekonomi dan sosial ini memberikan gambaran yang sangat jelas tentang kedudukan sebenar masyarakat antarabangsa dalam mendepani peradaban hari ini. Keadilan politik, ekonomi dan sosial yang dilaungkan di seluruh dunia kini menjadi milik kuasa besar sahaja. Negara-negara yang lemah, seperti juga kumpulan masyarakat yang lemah terus menjadi mangsa penindasan pihak yang berkuasa. Bahkan undang-undang yang dianggap sebagai pencetus keadilan hanya dikuatkuasakan untuk menguatkan lagi cengkaman regim ke atas rakyat. Undang-undang yang melibatkan sekatan ke atas kebebasan bersuara, berhimpun, berpersatuan dan sebagainya adalah tidak lain, melainkan hanya untuk meningkatkan lagi ketidakadilan ke atas rakyat. Akhirnya keadilan yang menjadi asas kestabilan masyarakat telah hilang¹⁸. Masyarakat global terpaksa menerima sebuah peradaban tanpa nilai keadilan.

4.1.5 Peradaban tanpa keamanan

Keamanan adalah idea utama kepada agama Islam, Hindu, Buddha, Confucius, Yahudi dan Kristian¹⁹. Tetapi malangnya apabila agama-agama yang menjadi teras peradaban-peradaban hari ini gagal mempertahankan keamanan. Setelah manusia melalui pengalaman Perang Dunia Pertama (1914-1919 M), Perang Dunia Kedua (1939-1945 M) dan Perang Dingin yang berakhir pada 1991, keamanan masih belum menjadi iktibar²⁰. NATO sebagai sebuah pakatan kuasa tentera secara terbuka telah mengisyiharkan bahawa Islam adalah musuh mereka selepas keruntuhan komunis²¹. Peradaban hari ini telah menjadikan isu-isu hak asasi

manusia sebagai senjata dalam pertembungan antara peradaban. Peradaban Asia sengaja mengambil kesempatan daripada kelemahan peradaban Barat dalam melaksanakan hak asasi manusia untuk menyerang peradaban tersebut. Begitu juga sebaliknya. Pertelagahan Barat-bukan Barat ini telah mewujudkan hubungan dingin antara peradaban setelah Perang Dingin ditamatkan dengan kejatuhan Soviet Union pada penghujung 1991. Kerana kefahaman yang berbeza tentang hak asasi manusia ini juga menyebabkan sesetengah peradaban bersikap dingin terhadap krisis-krisis yang berlaku di negara yang menjadi musuh politik mereka.

Peperangan telah meletus hampir di seluruh dunia melibatkan pelbagai peradaban walaupun berbagai-bagai usaha telah dibuat oleh masyarakat antarabangsa. Atas faktor-faktor seperti politik, agama, perkauman, penjajahan dan ekonomi, peperangan telah meletus di Asia Barat, Asia Selatan, Asia Tengah, Balkan, Kepulauan Nusantara, Amerika Tengah, Ireland dan Afrika. Walhal Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 telah menegaskan bahawa masalah perkauman, agama, politik dan ideologi tidak boleh dijadikan punca untuk penindasan²². Jutaan manusia yang tidak berdosa telah terbunuh dan menjadi pelarian sehingga peradaban menjadi tidak aman lagi. Kegawatan ekonomi turut membawa kepada ketidakamanan di beberapa negara seperti Argentina dan Indonesia. Sebenarnya ketidakamanan seperti peperangan, keganasan dan rusuhan ini telah meragut hak asasi manusia secara besar-besaran.

Lebih malang lagi apabila negara-negara kuasa besar dunia menjadikan krisis-krisis yang tercetus di negara-negara sedang membangun sebagai kuasa tawar-menawar yang boleh menguatkan lagi pergantungan sesebuah negara kepada negara maju. Amerika Syarikat mengambil kesempatan daripada krisis Asia Selatan untuk memaksa Pakistan membenarkan mereka dijadikan pengkalan untuk menyerang Afghanistan dan memaksa Arab Saudi menjadi pengkalan tentera Amerika untuk menyerang Iraq dalam krisis Teluk. Manakala negara-negara mundur seperti Botswana, Burundi, Panama dan Nicaragua terus menjadi mangsa kerakusan Amerika.

Ketenteraan dan persenjataan telah menjadi satu persaingan kepada negara-negara maju dalam melebarkan pengaruh politik mereka²³. Program senjata nuklear, senjata biologi dan senjata kimia dibangunkan untuk meningkat persaingan kuasa. Di India, untuk menghadapi ancaman Pakistan, peruntukan yang besar disalurkan bagi membangunkan senjata nuklear walaupun jutaan rakyatnya hidup meremah kemiskinan. Pengalaman Hiroshima dan Nagasaki tidak memberi pengajaran kepada dunia tentang betapa pentingnya keamanan. Sebaliknya demi memajukan industri persenjataan, perang-perang sengaja dicipta oleh kuasa besar di seluruh dunia sebagai medan menguji dan memasarkan senjata mereka. Amerika sendiri yang terlibat dalam lebih 100 peperangan telah menempatkan tentera di 140 buah negara²⁴. Peperangan dan keganasan yang berlaku atas tajaan mereka menyebabkan keamanan begitu sukar untuk dinikmati.

Keadaan dunia yang penuh dengan perperangan, keganasan dan rusuhan telah menyebabkan keamanan tidak lagi dinikmati oleh mana-mana peradaban. Dengan permainan politik negara-negara kuasa besar pula, keadaan di negara mundur dan sedang membangun bertambah parah. Semua keadaan ini adalah merupakan satu pencabulan ke atas hak asasi manusia secara global. Maka sangat wajar sekiranya Kurt Waldheim menyifatkan pencerobohan ke atas hak asasi yang berlaku dalam perperangan di seluruh dunia menjadi cabaran kepada usaha-usaha PBB untuk mewujudkan keamanan kepada dunia²³. Tanpa keamanan nilai peradaban akan tercabar.

Keseluruhan peradaban hari ini sebenarnya sedang dilanda oleh pelbagai krisis hak asasi manusia di seluruh dunia. Bermula daripada pencabulan terhadap hak-hak individu hingga kepada pencabulan hak masyarakat antarabangsa. bermula daripada pencabulan yang dilakukan oleh sesama individu kepada pencabulan oleh regim. bermula daripada sekatan sivil hingga kepada sekatan ekonomi dan budaya. bermula daripada tindakan secara lokal hingga kepada tindakan secara global. hak asasi manusia telah tercabul dengan hebatnya di seluruh dunia pada hari ini. Peradaban bukan sahaja kehilangan kemanusiaan dan hak asasi. tetapi juga mengalami kehilangan kebebasan, keadilan dan keamanan. Kepelbagaiannya krisis inilah yang menjadikan peradaban global hari ini penuh dengan cabaran.

4.2 PENUTUP

Keseluruhannya, setelah meninjau isu-isu kemanusian, keadilan, kebebasan dan keamanan yang berlaku hari ini, jelaslah bahawa peradaban manusia hari ini sedang menghadapi satu cabaran yang besar akibat daripada krisis hak asasi manusia. Manusia sebagai elemen utama peradaban telah dikesan menghadapi masalah dalam menikmati hak-hak asasi mereka. Dengan terencatnya kepentingan manusia ini, maka secara langsung ia memberikan kesan kepada peradaban. Akhirnya landskap peradaban hari ini telah dibentuk dengan tidak mengikut kriteria sebenar sebuah peradaban yang bukan sahaja mementingkan pembangunan material, tetapi juga pembangunan keinsanan atau kemanusiaan.

Kerencatan peradaban jelas terpapar apabila hak asasi manusia yang menjadi asas utama peradaban kini hanya tinggal retorik sahaja. Di mana-mana sahaja hak asasi manusia dicabul dan dinafikan sehingga manusia tidak lagi menikmati kehidupan sebagai seorang insan. Peradaban tanpa nilai kemanusiaan, keadilan, kebebasan dan keamanan menggambarkan status sebenar manusia hari ini sebagai pelakon utama peradaban. Dengan peradaban yang penuh dengan penafian ke atas hak-hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya, maka nilai peradaban menjadi begitu rendah dan tidak berharga. Inilah cabaran besar yang terpaksa dilalui oleh peradaban masa kini.

Nota Hujung

- ¹ Mahdi Shud (2000). *Terminologi Peradaban: Sukar Didefinisikan Mudah Diperjelasakan*. dalam jurnal *Wacana Dialog Peradaban*. jld 1 MHF Publication Puchong. hal 2-9
- ² *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948*. Petaling Jaya ERA Consumer Malaysia. hal 1
- ³ *Ibid.* hal 1
- ⁴ *Ibid.* pada bahagian mukaddimah. artikel 1 dan artikel 2
- ⁵ Chandra Muzaaffar (1995a) *Hak Asasi Manusia Dalam Tata Dunia Baru* Bandung Pustaka Mizan hal 31-32
- ⁶ Team Liwa' ul-Haq (2000/2001) Amerika, Imperialisme dan Terorism Sempena 200 Tahun Imperialisme. dalam jurnal *Liwa' Ul-Haq* bil. 1 Kuala Lumpur. hal 90
- ⁷ Temuramah dengan Pengarah JUST. Dr Chandra Muzaaffar di Petaling Jaya pada 26 Jun 2000
- ⁸ UNHCHR (1997) *Proclamation of Tehran*. http://www.unhchr.ch/html/menu3/b/b_tehran.htm diakses pada 25 Oktober 2000
- ⁹ Chandra Muzaaffar (1995a). hal. 40
- ¹⁰ Azizan Bahari dan Chandra Muzaaffar (1996). *Keadilan Sosial* Kuala Lumpur IKD. hal 1
- ¹¹ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948*. hal 2
- ¹² Jean-Jacques Rousseau (1992) *Daripada Perjanjian Sosial*. terj. Puteri Rashidah Megat Ramli Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. hal 5
- ¹³ Fadzil Mohd Noor (1996) *Tegakkan Ketuanan Islam*. Ucapan Dasar Presiden PAS Kuala Lumpur PAS. hal 23
- ¹⁴ ¹⁵ Huntington. Samuel P (1996) *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order* New York Simon and Schuster. hal 86-91
- ¹⁶ Azizan Bahari dan Chandra Muzaaffar. hal iii
- ¹⁷ Fadzil Mohd Noor (1995) *Menyanggah Fitrah Maddinah*. Ucapan Dasar Presiden PAS. hal 30. Lihat juga Fadzil Mohd Noor (1999) *Bersama Menegakkan Keadilan*. Ucapan Dasar Presiden PAS. hal 40
- ¹⁸ Sila lihat ulasan lanjut SM Mohamed Idris (2001) *Menyanggahi Globalisasi Agenda Bertindak Dunia Islam* Kedah Teras. hal 14-18
- ¹⁹ Azizan Bahari dan Chandra Muzaaffar. *Op cit.* hal viii-viii
- ²⁰ Mustafa Kamal Ayub (2002) *Challenges and Future for Asean Youth: New Perspective and Agenda of Global and Regional Peace*. Ucapan Presiden CAYC Kuala Lumpur CAYC. hal 12
- ²¹ Lihat Abu Talib Ahmad dan Salihah Hassan (1996) Pergolakan Dunia dan Kerjasama Masyarakat Antarabangsa dalam Wan Abdul Rahman Latif et.al. *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia* Kuala Lumpur DBP. hal 394-440
- ²² Fadzil Mohd Noor (1996). *Op cit.* hal 19
- ²³ *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948*. hal 10-11
- ²⁴ Huntington. *Op cit.* hal 88-90
- ²⁵ Team Liwa' Ul-Haq. *Op cit.* hal 90
- ²⁶ Kurt Waldheim (1980). *The Challenge of Peace*. ed Enghish. New York UN. hal 1-13